

TEKS UCAPAN
YBHG. PROF. DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR UTeM

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU)
Antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)
Dan PKT Logistics Group Sdn. Bhd.

اوینیورسیتی تکنیکال ملیسیا ملاک

13 September 2024 / 10.00 pagi
The Ship Campus, Batu Kawan Pulau Pinang

Terima kasih pengacara majlis
Bismillahirahmanirahim

SALUTASI

-Seperti di Lampiran

1. Marilah kita sama-sama mengucapkan kesyukuran ke hadrat illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya maka dapat kita semua bertemu pada pagi ini dalam detik bersejarah di **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan PKT Logistics Group Sdn. Bhd.**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,


2. Pertama, izinkan saya mewakili seluruh warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) untuk **merakamkan ucapan penghargaan terima kasih kepada PKT Logistics Group Sdn. Bhd.** khususnya kepada Yang Berbahagia Dato' Seri (Dr.) Michael Tio, Ketua Pegawai Eksekutif dan **merangkap Pengarah Urusan PKT Logistics Group Sdn. Bhd.** yang sudi bekerjasama dengan UTeM dan berbesar hati menjemput kami ke The Ship Campus, Batu Kawan pada hari ini. Ia merupakan satu detik bersejarah buat UTeM, dan kami sangat berbesar hati dengan kerjasama yang terjalin di antara UTeM dan juga PKT Logistics Group Sdn. Bhd.

3. Selain itu, kami di UTeM turut mengucapkan penghargaan dan terima kasih kerana kami dimaklumkan **PKT Logistics Group Sdn. Bhd.** turut bersedia untuk menawarkan fasiliti dan kemudahan di The Ship Campus ini sebagai Pusat Pembelajaran UTeM di Pulau Pinang. Kami sangat menyambut baik tawaran tersebut kerana ia sangat bertepatan dengan aspirasi UTeM dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam meningkatkan lagi bilangan pelajar di UTeM. Dimaklumkan juga UTeM merupakan universiti teknikal pertama yang menyambut baik tawaran pihak PKT Logistics Group Sdn. Bhd. ini dalam menjadikan The Ship Campus sebagai Pusat Pembelajaran.


4. Saya juga dimaklumkan terdapat **seramai 20 orang pelajar UTeM yang turut hadir bagi menyaksikan detik yang bersejarah di majlis hari ini.** Difahamkan para pelajar UTeM ini merupakan **Kumpulan ke 2 terpilih menjalani program ‘Jom Bekerja Sambil Belajar (JBSB)’** yang bermula pada 2 September (pendaftaran) dan akan berakhir pada 30 September 2024 ini.

5. Manakala, **Kumpulan 1 pula sebelum ini telah memulakan JBSB pada 5 Ogos dan telah berakhir pada 30 Ogos 2024 yang lalu.** Keseluruhan, seramai hampir 40 orang pelajar UTeM telah mendapat manfaat daripada program JBSB ini. Saya juga dimaklumkan oleh CREATE, program JBSB yang

dijalankan sewaktu cuti akhir semester ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan daripada para pelajar dari pelbagai fakulti. Atas sebab itu, CREATE terpaksa membuat saringan kerana ia terhad kepada 20 orang sahaja bagi setiap Kumpulan.

- 
6. Saya juga dimaklumkan yang **program JBSB ini menawarkan elauan RM70 sehari dan para pelajar wajib menginap di kolej kediaman The Ship Campus** yang kondusif serta disediakan oleh pihak PKT Logistics Group Sdn. Bhd. Melalui program ini, para pelajar UTeM yang terlibat bukan sahaja memperolehi pendapatan sampingan (job on campus), bahkan para peserta turut berpeluang

memperolehi pengalaman di industri. Ini kerana, di akhir program JBSB ini nanti pihak PKT Logistics Group Sdn. Bhd. akan turut memberikan sijil pengiktirafan kepada para peserta yang berjaya menamatkan program JBSB dengan jayanya.

- 
7. Diharapkan program seperti ini dapat diperluaskan lagi kepada para pelajar UTeM yang lain seperti mana program PKT Elite Management Trainee Programme di mana graduan UTeM yang mendapat minimum CGPA 3.5 berpeluang bekerja di PKT Logistics Group Sdn. Bhd. dan memperolehi gaji premium sebanyak RM4,000.00 sebulan. Untuk makluman Dato' Seri dan semua, kami di **UTeM turut mempunyai**

program pengajian dalam bidang logistik dan rantaian bekalan. Program tersebut dikenali sebagai **Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengurusan Rantaian Bekalan dan Logistik) Dengan Kepujian (BTMS).** Program ini ditawarkan di bawah **Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan** (FPTT), UTeM. Atas sebab itu, MoU ini diletakkan di bawah FPTT kerana dilihat sangat memberikan manfaat khususnya para pelajar dalam bidang rantaian bekalan dan logistik ini.


UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

8. Untuk makluman Dato' Seri dan semua, UTeM akan mengadakan Majlis Konvokesyen UTeM ke-20 pada 9-11


November 2024. Dikesempatan ini, dan dengan kerjasama yang terjalin serta MoU yang bakal termeterai pada hari ini, barangkali **pihak PKT Logistics Group Sdn. Bhd.** boleh **mempertimbangkan untuk menaja dan pemberian Anugerah Khas Industri kepada pelajar terbaik** khususnya bagi program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (Pengurusan Rantaian Bekalan dan Logistik) Dengan Kepujian (BTMS), UTeM ini.

9. Umumnya industri yang menaja Anugerah Khas Industri sewaktu Majlis Konvokesyen akan kami umumnya nama industri tersebut dan dijemput hadir memeriahkan majlis ini. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan lagi nama baik

dan imej PKT Logistics Group Sdn. Bhd. dan sudah tentu ianya akan menjadi kenangan terindah buat para graduan, ibu bapa, industri-industri dan juga pihak luar yang turut dijemput hadir ke Majlis Konvokesyen UTeM ini.

- 
10. Akhir kata, saya berharap kerjasama di antara UTeM dan PKT Logistics Group Sdn. Bhd. ini akan terus terjalin erat. Semoga **MoU di antara UTeM dan PKT Logistics Group Sdn. Bhd. ini dapat diperluaskan lagi dengan kerjasama-kerjasama yang lain** seperti pembangunan program akademik yang selari dengan kehendak industri, penyelidikan, perundingan, latihan kepada staf, sangkut industri, latihan industri buat pelajar-pelajar UTeM dan

aktiviti atau program-program yang dapat memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Tahniah diucapkan kepada semua yang telah menjayakan majlis pada hari ini terutama sekali pihak PKT Logistics Group Sdn. Bhd. selaku tuan rumah untuk majlis hari ini.



**Pohon Sirih Pohon Selasih,
Tumbuh Merimbun Di Hujung Laman,
Kalungan Budi Junjungan Kasih,
Menjadi Kenangan Sepanjang Zaman.**

Wabillahhitaufik

Walhidayah

Wassalamualaikum

Warahmatullahhiwabarakatuh